

**PENDIDIKAN DAN UNDANG-UNDANG**

**PELAJARAN**

**24HB-26HB NOVEMBER 1986**

**KERTASKERJA**

UNDANG-UNDANG ISLAM DAN IMPLIKASINYA KEPADA  
UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN DI MALAYSIA

OLEH

PROF. AHMAD IBRAHIM  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN  
MALAYSIA

(NATIONAL UNION OF THE TEACHING PROFESSION)

13B, JALAN MURAI DUA, KOMPLEKS BATU, JALAN IPOH,  
KUALA LUMPUR. TEL: 6265163/6268589.



Undang-Undang Islam Dan Implikasinya Kepada  
Undang-Undang Pendidikan Di Malaysia

Prof. Ahmad Ibrahim

Universiti Islam Antarabangsa

Untuk membincang Undang-Undang Islam mengenai pelajaran kita  
perlu merujuk kepada al-Quran dan Sunnah.

Al-Quran menegaskan kepentingannya ilmu dan pengajaran, seperti  
yang bermaksud :-

"Allah memberikan hikmat kebijaksanaan iaini ilmu yang berguna  
kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Dan sesiapa yang diberi  
Hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang  
banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran dan  
peringatan melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya"  
(Suruh al-Baqarah(2) : 269)

Katakan lagi "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan  
orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang  
yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-  
orang yang berakal sempurna". (Surah Al-Zumar(39) : 9)

Dan berdoalah dengan berkata "Wahai Tuhanku tambahlah ilmuku"  
(Surah Taha(20) : 114)

"Allah meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu dan  
orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan. Dan ingatlah Allah  
Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan"  
(Surah al Mujadadalah(58) : 11)

Ilmu dan pelajaran di dalam Islam bergantung kepada kepercayaan  
kepada Allah dan Tauhid.

"Allah menerangkan bahawasanya tiada Tuhan yang berhak disembah  
melainkan Dia, yang sentiasa mentadbirkan seluruh alam dengan  
keadilan dan malaikat serta orang yang berilmu mengakui dan



menegaskan demikian - tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia; Yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana. (Surah ali-Imran(3) : 18)

"Tetapi orang-orang yang teguh serta mendalam ilmu pengetahuannya di antara mereka dan orang-orang yang beriman dengan apa yang telah diturunkan kepada Mu iaini Al-Quran dan kepada apa yang telah diturunkan dahulu daripadamu - khususnya orang-orang yang mendirikan sembahyang dan orang-orang yang menunaikan zakat, serta yang beriman kepada Allah dan hari akhirat: mereka itulah yang kami akan berikan kepadanya pahala yang amat besar." (Surah an-Nisa'a(4) : 162)

"Dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan, mengetahui dengan yaqin bahawa keterangan-keterangan yang diturunkan kepadamu dari Tuhan itulah yang benar serta yang memimpin ke jalan Allah Yang Maha Kuasa, Lagi Maha Terpuji." (Surah Saba'(34) : 6)

Iman dan kepercayaan kepada Allah tentu ada kesannya kepada kehidupan seorang individu dan hubungannya dengan masyarakat. Mengenai perhubungan antara iman dan akhlak kita terdapat banyak hadith Nabi (s.a.w.). Antaranya yang bermaksud:-

"Saorang yang tidak beramanah maka ia tidak beriman"

"Saorang itu tidak beriman melainkan dia kehendakan bagi saudaranya apa dia kehendak bagi dirinya" (Sahih Muslim Kitab al-Iman, Translation Vol. 1 p. 31)

"Saorang adalah yang amat beriman yang mana terbaik akhlaknya"

Ilmu dan pengetahuan tidaklah terbatas di dalam Islam. Tidak ada perbezaan di antara ilmu agama dan ilmu sekular bahkan semua ilmu hendaklah dituntut dan diamalkan. Kita tidak harus terikat dengan tradisi dan menjadi pak turut sahaja. Al-Quran menegaskan maksudnya :-



"Dan apabila dikatakan kepada mereka "Turutlah akan apa yang telah diturunkan oleh Allah" mereka menjawab "Tidak, bahkan kami hanya menurut apa yang kami dapati datuk nenek kami melakukannya". Patutkah mereka menurutnya sekalipun datuk neneknya itu tidak faham sesuatu apa pun dan tidak pula dapat petunjuk hidayah dari Allah?" (Surah al-Baqarah(2) : 170)

"Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk mereka neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati tetapi tidak mahu memahami dengannya dan yang mempunyai mata tetapi tidak mahu melihat dengannya dan yang mempunyai telinga tidak mahu mendengar dengannya : mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi : mereka itulah orang-orang yang lalai" (Surah al-A'raff(7) : 179)

Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap ditanya tentang apa yang dilakukannya" (Surah al-Israa(17) : 36)

Kita digalakkan menyoal dan meminta bukti.

"Katakanlah "Bawalah kemari keterangan-keterangan yang membuktikan kebenaran apa yang kamu katakan itu, jika betul kamu orang-orang yang benar" (Surah al-Baqarah(2) : 111)

"Katakanlah "Adakah kamu mempunyai sesuatu keterangan yang berdasarkan ilmu supaya dapat kamu tunjukkan kepada kami? Tiadalah kamu menurut melainkan sangkaan semata-mata dan kamu pula tidak lain hanyalah berdusta" (Surah al-An'aam(6) : 148)

Al-Quran menyuruh kita bertafakkur atas kebesaran nikmat Allah dan memahami apa sahaja yang telah dikurnia oleh Allah di alam sekeliling kita.

"Dan Dialah (Allah) yang menjadikan bumi tentang luasnya dan



menjadikan padanya gunung-ganang terdiri kukuh serta sungai-sungai yang mengalir. Dan dari tiap-tiap jenis buah-buahan Ia jadikan padanya pasangan : dua-dua. Ia juga melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semuanya itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang mau berfikir."

Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan tapi berlainan keadaannya; dan padanya ada kebun-kebun anggor dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengah dari setengahnya yang lain pada bentuk, rasa dan baunya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang yang mau berfikir serta memahaminya. (Surah ar-Ra'd(13) : 3 - 4)

Dialah (Allah) yang menurunkan hujan dari langit; sebahagiannya daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok untuk kamu melepaskan binatang ternak makan padanya.

Ia juga menumbuhkan bagi kamu dengan subuh hujan itu tanaman-tanaman dan pokok-pokok zaiton dan tamar serta anggur; dan juga dari segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya yang demikian mengandung satu tanda yang membuktikan kekuasaan Allah bagi kaum yang mau berfikir.

Dan Ia memudahkan bagi kamu malam dan siang dan matahari serta bulan; dan bintang-bintang di mudahkan dengan perintahNya untuk keperluan-keperluan kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda yang membuktikan kebijaksanaan Allah bagi kaum yang mau memahaminya. (Surah An-Nahl(16) : 10 - 13)

Allah yang memudahkan laut bagi kegunaan kamu, supaya kapal-kapal belayar padanya dengan perintahNya dan supaya kamu mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan juga supaya kamu bersyukur.

Dan Ia memudahkan untuk kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi daripadanya; sesungguhnya semuanya itu mengandung tanda-



tanda yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti. (Surah al-Jaathiyah(45) : 12 - 13)

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan pada pertukaran malam dan siang; dan pada kapal-kapal yang berlayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga pada air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga pada peredaran angin dan awan yang tunduk kepada kuasa Allah terapong-apong di antara langit dan bumi; sesungguhnya pada semua itu ada tanda-tanda yang membuktikan ke Esaan Allah, kekuasaanNya, kebijaksanaanNya dan keluasan rahmatNya bagi kaum yang mahu menggunakan akal fikiran. (Surah al-Baqarah(2) : 164)

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang ada tanda-tanda kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah bagi orang yang berakal; iaitu orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi sambil berkata "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka. (Surah al-i-Imrah(3) : 190 - 191)

Tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit bagaimana ia ditinggikan binaannya? Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan? Dan keadaan bumi bagaimana ia dihamparkan. (Surah al-Ghaasyiyah(88) : 17 - 20)

"Katakanlah "Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya; kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula dalam bentuk kejadian yang baharu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap satu" (Surah Al-Ankabut(29) : 20)



Dan pada bumi ada tanda-tanda yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah bagi orang-orang yang mahu mencapai pengetahuan yang yaqin. Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan? Dan di langit pula terdapat sebab-sebab rezeki kamu dan juga terdapat apa yang telah dijanjikan kepada kamu. Maka demi Tuhan langit dan bumi, sesungguhnya apa yang tersebut itu tetap benar tidak patut diragu-ragukan sebagaimana benarnya kamu dapat berkata-kata. (Surah al-Dzaariyaah(51) : 20 - 23).

Dialah (Allah) yang menjadikan matahari bersinar-sinar dan bulan bercahaya dan Dialah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu pada tempat-tempat peredarannya supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatnya (tanda-tanda kebesarannya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui. (Surah Yunus(10) : 5)

Sesuatu lagi prinsip yang menjadi dasar kepada pelajaran di dalam Islam ialah rajin bekerja. Di dalam Al-Quran dijelaskan maksudnya :-

"Dan Kami telah menjadikan siang masa untuk mencari rezeki"

(Surah an-Naba'(78) : 11)

"Dan kamu tidak dibalas melainkan dengan balasan yang sepadan dengan apa yang kamu telah kerjakan" (Surah as-Saaffaat(37) : 39)

"/Allah juga mengetahui/ yang lainnya orang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah" (Surah al-Muzzammil(73) : 20)

"Dan katakanlah "Bekerjalah, maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan" (Surah at-Taubah(9) : 105)

"Dan bagi tiap-tiap seorang beberapa darjat disebabkan amal yang mereka telah kerjakan. Dan ingatlah Tuhanmu tiadalah lalai dari



apa yang mereka lakukan" (Surah al-An'aam(6) : 132)

"Dan janganlah kamu terharap-harap ingin mendapat limpah kurnia yang Allah berikan kepada sebahagian dari kamu untuk menjadikan mereka melebihi sebahagian yang lain. Kerana telah tetap orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan. Maka berusahaah kamu dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnia. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu." (Surah An-Nisaa(4) : 32)

"Kemudian setelah selesai sembahyang maka bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak dalam segala keadaan supaya kamu berjaya" (Surah al-Jumu'ah(62) : 10)

Dan bahawa sesungguhnya tidak ada balasan bagi seseorang melainkan apa yang diusahakan (Surah an-Najm(53) : 39)

Nabi Muhammad (s.a.w.) telah bersabda maksudnya :- "Allah kehendaki apabila seorang dari kamu bekerja, dia hendaklah bekerja sebaik-baiknya".

Imam al-Ghazalli dalam nasihatnya kepada belia didalam bukunya "Ayyuhal Wahad" berkata maksudnya "Janganlah kamu muflis tidak bekerja atau beramal - Jika seseorang membaca seratus ribu buku ilmu dan mempelajarinya tetapi tidak beramal atas ilmu itu, sesialah kepadanya, maka kerana nikmat ilmu ialah dipergunakan".

Seorang sufi al-Kharki pernah berkat maksudnya:- "Jika Allah menghendakkan kebajikan bagi satu kaum, Ia memberi mereka peluang bekerja dan menjauhkan peluang berdebat, akan tetapi jika Ia menghendakkan keburukan kepada kaum itu, Ia memberi mereka peluang berdebat dan menjauhkan peluang bekerja".

Satu lagi peristiwa yang perlu ditanamkan semangatnya di kalangan pelajar-pelajar ialah hak sama rata antara manusia. Al-Quran menegaskan



maksudnya:-

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan dan beramah mesra antara satu dengan lain. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih bertaqwa di antara kamu /iaitu yang benar-benar ta'at pada perintah Allah/" (Surah al-Hujuraat(49) : 13)

Di samping menghormati orang-orang dan kaum lain kita perlu juga bertolong-tolongan antara kita supaya seorang itu tidak dipengaruhi semata-mata dengan perasaan dan kepentingan individu atau puaknya akan tetapi selalu timbul perasaan mereka sebagai sebahagian dari ra'ayat negara yang perlu bekerjasama dan tolong menolong satu sama lain supaya tidak terdapat penindasan dan peluang tidak seimbang antara semua ra'ayat.

Di dalam al-Quran disebutkan maksudnya -

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan ma'siat dan pencerobohan" (Surah al-Maidah(5) : 2)

"Dan tuntutan dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah melupakan bahagianmu dari dunia; dan berbuat baiklah kepada hamba-hamba Allah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu; dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan" (Surah al-Qasas(28) : 77)

Kami membahagi-bahagikan antara mereka dalam kehidupan dunia ini, setengah Kami jadikan kaya raya dan setengah miskin menderita; dan juga Kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi dari darjat setengah yang lain; semuanya itu supaya sebahagian



dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupan dari bantuan setengahnya yang lain. Dan lagi rahmat Tuhanmu yang meliputi kebahagiaan dunia dan akhirat adalah lebih baik dari kebendaan dan keduniaan semata-mata yang mereka kumpulkan".

(Surah Az-Zukhruf(43) : 32)

"Bukanlah perkara kebajikan itu hanya menhadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah dan hari akhirat dan segala malaikat dan segala kitab dan segala Nabi; dan mendermakan seorang akan hartanya kepada kaum kerabat dan anak yatim dan orang miskin dan orang yang meminta dan untuk merdekakan hamba abdi; dan mengerjakannya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan dan dalam masa kesakitan dan juga dalam masa bertempuran. Mereka itulah orang yang benar beriman dan mengerjakan kebajikan dan mereka itulah juga orang yang bertaqwa". (Surah al-Baqarah(2) : 177)

Sifat toleransi dan saling mengerti dan menghormati harus di semaikan dalam perasaan pelajar-pelajar. Di dalam al-Quran disebut maksudnya :-

"Tidak ada paksaan dalam agama Islam, kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran dari kesesatan". (Surah al-Baqarah(2) : 256)

"Katakanlah "Hak orang-orang yang tidak beriman. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah Allah yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku". (Surah al-Kafirun(109)).

Satu lagi prinsip dalam pelajaran Islam ialah keadilan. Di sini



intelek, akal dan fikiran, perasaan dan kegunaan pancainderanya. Pelajaran hendaklah memudahkan pertumbuhan manusia di dalam semua bidang : rohaniyah, intelek, imaginative, fisikal, saintifik, linguistic, samada cara individu atau berkelompok dan mendorong semua aspek itu kepada kebaikan dan pencapaian kemuncak yang terbaik. Tujuan asas pembelajaran Islam ialah mengwujudkan kesedaran persembahan dan taqwa kepada Allah di peringkat individu, masyarakat dan manusia keseluruhannya.

Prinsip pembelajaran Islam boleh dilaksanakan dengan beberapa cara. Yang penting ialah tauladan yang boleh membawa manusia kepada cara hidup yang dikehendaki. Di dalam al-Quran Nabi Muhammad (s.a.w.) telah disuruh mengikut tauladan nabi-nabi dan rasul-rasul sebelum beliau dan manusia juga disuruh mengikut tauladan Nabi (s.a.w.).

"Mereka Nabi-Nabi itulah orang-orang yang telah diberi pertunjuk oleh Allah maka turutlah oleh mu wahai Muhammad akan pertunjuk mereka". (Surah al-An'am(6) : 90)

Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulallah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak. (Surah al-Anzaah(33) : 21)

Nabi Muhammad (s.a.w.) telah bersabda maksudnya :-

"Sahabatku adalah umpama bintang; jika kamu mengikut contoh dan tauladan sesuatunya kamu telah mengikut tauladan yang baik".

Di dalam suatu masyarakat pembesar-pembesar hendaklah memberi tauladan kepada rakyat dan khasnya para guru memberi tauladan kepada murid mereka. Cara yang kedua ialah dengan usaha sendiri khasnya oleh pelajar-pelajar. Pelajaran ialah menjinakkan kita supaya jangan dipengaruhi oleh hawa nafsu kita akan tetapi mengikut cara yang baik



untuk kebajikan di dunia dan di akhirat. Ini memerlukan usaha dan takwa. Di dalam al-Quran disebutkan maksudnya :-

"Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di hadapan Tuhannya, serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu - maka sesungguhnya syurgalah tempat kediamannya"

(Surah an-Naazi'aat(79) : 40)

Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak ugama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami dan sesungguhnya Allah adalah beserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya" (Surah al-Ankabut(29) : 69)

Semua amalan hendaklah lillahi semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah.

"Sesungguhnya Kami menurunkan al-Quran ini kepada mu dengan membawa kebenaran; oleh itu hendaklah engkau menyembah Allah dengan mengikhlaskan segala ibadat dan bawaanmu kepadaNya"  
(Surah al-Zumar(39) : 2)

"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri" (Surah ar-Rad(13) : 11)

Akhirnya kita dapati keadaan masyarakat dan pandangannya kepada prinsip pelajaran. Cara hidup dan adat di rumah dan di luar rumah adalah penting untuk pelajaran, oleh kerana pelajaran ialah cara kita menghapuskan kepercayaan dan amalan yang keji dan menanam percayaan dan amalan yang murni. Seorang kanak-kanak hendaklah dididik dengan baik di rumah. Inilah sebabnya Nabi Muhammad (s.a.w.) telah meminta kita menyuruh anak kita bersembahyang dari umur tujuh tahun dan jika mereka enggan mengerjakan sembahyang mereka hendaklah dipukul. Ini supaya mereka didorong dari kecil mengikut kebiasaan yang baik. Jika seorang



untuk keajaiban di dunia dan akhirat. Ini memerlukan usaha dan  
takwa. Di dalam al-Quran disebutkan maknanya :

anak dididik di dalam keadaan yang baik di mana sekeluarganya mengikut  
ajaran-ajaran Islam, membaca al-Quran, bersembahyang, berpuasa dan  
memberi zakat, tentulah anak itu tertarik dan terikat dengan cara  
hidup itu. Sebaliknya jika keadaan di rumah itu jauh lagi suasana  
Islam bagaimanakah kita harapkan anak itu mengikut cara hidup yang  
baik?

memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin  
mereka ke jalan-jalan Kami dan sesungguhnya Allah adalah  
penerang orang-orang yang berusaha mendekati-Nya." (Surah  
al-Akshaf(29) : 40)

Semua amalan hendaklah dilakukan dengan ikhlas dan untuk mendapat  
keredhaan Allah.

"Sesungguhnya Kami menurunkan al-Quran ini kepada mu dengan  
membawa kebenaran; oleh itu hendaklah orang-orang yang menyembah Allah  
dengan mengikhaskan segala ibadah dan persembahan kepada-Nya"  
(Surah al-Zumar(39) : 2)

"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu  
kamu sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka  
sendiri." (Surah al-Rad(13) : 11)

Akhirnya kita dapat keadaan masyarakat dan pergaulannya kepada  
prinsip pelajaran. Cara hidup dan adat di rumah dan di luar rumah  
adalah penting untuk pelajaran, oleh kerana pelajaran ialah cara kita  
menghasilkan kepantasan dan amalan yang keji dan menaman percayaa dan  
amalan yang murni. Seorang anak-anak hendaklah dididik dengan baik  
di rumah. Inilah sebabnya Nabi Muhammad (s.a.w.) telah meminta kita  
menyuruh anak kita bersembahyang, berpuasa, tunaikan zakat dan jika mereka  
dapat mengerjakan amalan yang baik hendaklah dipukul. Ini supaya  
dapat dari kecil terbiasa dengan amalan yang baik. Jika seorang